



## KENYATAAN AKHBAR YB MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

### PROSEDUR SARINGAN KESIHATAN BAGI PENGEMBARA DENGAN SEJARAH PERJALANAN PULANG DARI SABAH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin merujuk kepada prosedur saringan kesihatan bagi individu yang tiba dari Sabah.

#### Latar belakang

Bermula pada 27 September 2020, semua pengembara yang tiba dari negeri Sabah telah dikehendaki menjalani saringan gejala, ujian pengesanan COVID-19 serta menggunakan aplikasi MySejahtera semasa ketibaan di Pintu Masuk Negara di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Prosedur saringan ini dilaksanakan sebagai satu aktiviti surveyan bagi memantau risiko penularan jangkitan dalam kalangan mereka yang mempunyai sejarah melawat negeri Sabah. Tindakan ini adalah susulan daripada peningkatan kes COVID-19 yang ketara di kebanyakan daerah di negeri tersebut selain peningkatan kes positif COVID-19 di negeri-negeri lain di Malaysia yang berkait dengan sejarah melawat negeri Sabah.

Berdasarkan kepada penilaian risiko yang dilaksanakan sepanjang tempoh dua minggu selepas 26 September 2020, KKM telah mempertingkatkan lagi aktiviti pemantauan, pencegahan dan kawalan penularan jangkitan termasuk aktiviti saringan di Pintu Masuk Negara. Maka, bermula pada 11 Oktober 2020, semua pengembara yang tiba dari Sabah telah diwajibkan melalui prosedur sedia ada (aktiviti saringan gejala, menggunakan aplikasi MySejahtera dan ujian

pengesanan COVID-19) dan arahan yang baharu iaitu untuk menjalani kuarantin wajib selama 14 hari bermula dari tarikh ketibaan di Pintu Masuk Negara.

## **Penilaian risiko ke atas Situasi Semasa Kejadian Kes dan Kluster COVID-19 dari Sabah**

Setiap hari melalui CPRC Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia terus menjalankan pemantauan dan penilaian risiko penularan jangkitan COVID-19 di seluruh Malaysia dengan menganalisa data dan maklumat yang diperolehi dari lapangan melalui CPRC Jabatan Kesihatan Negeri. Laporan yang dihasilkan adalah maklumat terkini (*timeliness*) dan tepat setelah melalui proses verifikasi dan akan dikongsikan dengan umum.

Berdasarkan penilaian risiko yang dijalankan ke atas situasi kejadian kes COVID-19 di Malaysia, didapati jumlah kes menunjukkan trend penurunan bagi negeri Sabah berbanding trend yang dilaporkan di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia terutama di sekitar Lembah Kelang.

Merujuk kepada laporan mingguan kes positif COVID-19 pada minggu epid ke-43 tahun 2020, jumlah kes baharu dilaporkan di Sabah adalah 4548 berbanding jumlah kes mingguan di Lembah Kelang (Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya) yang berjumlah 821 kes positif COVID-19. Namun begitu pada minggu epid ke-47, jumlah kes baharu di Sabah adalah 3073 iaitu menunjukkan penurunan sebanyak 32.4%, berbanding Lembah Kelang sebanyak 3041 kes iaitu peningkatan sebanyak 270%.

Peningkatan kes ini juga selanjutnya menjadikan banyak daerah atau mukim di negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia (kes baharu berdasarkan 14 days *moving forward*) bertukar daripada kawasan hijau (tiada kes dilaporkan

berdasarkan *14 days moving forward*) kepada kawasan kuning (1 kes hingga 20 kes), jingga (antara 21 hingga 40 kes) ataupun merah (melebihi 40 kes).

## **Semakan Semula Prosedur Saringan Kesihatan Bagi Pengembara dengan Sejarah Perjalanan Pulang Dari Sabah**

Mengambilkira situasi semasa ini, dan setelah satu bulan setengah pelaksanaannya, semakan semula ke atas prosedur saringan COVID-19 dan prosedur kuarantin wajib bagi mereka yang tiba dari Sabah di Pintu Masuk Negara telah dijalankan oleh KKM. Perkara ini juga telah dibincangkan di Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang bersidang pada 23 November 2020.

Sehubungan itu, mulai **25 November 2020**, pengembara yang tiba dari Sabah hanya perlu menjalani swab ujian pengesahan COVID-19 tiga (3) hari sebelum berlepas dari Sabah ke negeri lain di Malaysia. Sekiranya mereka ini positif ujian pengesahan COVID-19 atau sekiranya bergejala, mereka tidak dibenarkan untuk meneruskan perjalanan keluar dari Sabah. Bagi yang positif COVID-19, mereka akan dirujuk ke hospital untuk isolasi, rawatan dan pemantauan. Manakala bagi individu yang bergejala akan dirujuk untuk menjalani pemeriksaan.

Seterusnya bagi pengembara yang dibenarkan meneruskan perjalanan keluar dari Sabah, mereka akan melalui saringan demam dan gejala, pemeriksaan laporan ujian swab pengesahan COVID-19 dan diwajibkan penggunaan MySejahtera setibanya di Pintu Masuk Negara di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sekiranya mereka tidak bergejala dan laporan ujian makmal COVID-19 disahkan negatif, pengembara ini tidak lagi perlu menjalani kuarantin wajib selama 14 hari.

## Nasihat Kesihatan Berkaitan COVID-19

KKM ingin menasihatkan orang ramai agar mematuhi SOP serta arahan-arahan kerajaan dari semasa ke semasa. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kelaziman baharu dalam kehidupan harian bagi memastikan kita semua dapat memutuskan rantai jangkitan penularan COVID-19 di Malaysia:

- **Elakkan 3S / 3C:** iaitu elakkan kawasan yang **sesak (Crowded place)**, elakkan Kawasan yang **sempit (Confined space)** dan elak **sembang** atau bertutur dengan **jarak yang dekat (Close conversation)**.
- **Amalkan 3W:** iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (**Wash**), memakai (**Wear**) alat pelitup muka (*facemask*) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala, dan amaran (**Warn**) dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
  - Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam;
  - Amalkan etika batuk dan bersin;
  - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
  - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
  - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Sekian, Terima kasih.

**DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA**

Menteri Kesihatan Malaysia

24 November 2020